

Tarikh Dibaca: 11 Disember 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PENGURUSAN DAN PENGISIAN MASA
CUTI SEKOLAH”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“PENGURUSAN DAN PENGISIAN MASA CUTI SEKOLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي
السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ وَهُوَ
الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Saudaraku hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Pada hari Jumaat yang penuh dengan rahmat dan keberkatan ini saya ingin berpesan kepada diri saya dan para jamaah untuk sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah dengan sentiasa melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Hadirin yang berbahagia,

Bersempena dengan cuti persekolahan seluruh negara, marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**PENGURUSAN DAN PENGISIAN MASA CUTI SEKOLAH**".

Cuti sekolah kembali lagi. Inilah masa yang ditunggu-tunggu oleh anak-anak yang bersekolah lantaran mereka tidak lagi terikat dengan buku-buku pelajaran, aktiviti kokurikulum atau pun kelas tambahan. Pendek kata, sebarang perkara yang berkaitan sekolah tidak lagi menjadi perhatian mereka. Malah, ramai yang beranggapan, inilah masanya untuk mereka berehat, berseronok dan melakukan sesuatu yang digemari mereka. Sedangkan Nabi SAW mengingatkan kita melalui sabdanya betapa ruginya kita apabila tidak menghargai masa.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصَّحَّةُ
وَالْفَرَاغُ



"Dua nikmat yang sering memperdaya manusia; Kesehatan dan kelapangan masa".

(Riwayat Imam Bukhari).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Masa itu ibarat emas. Ungkapan ini biasa disebut-sebut bagi menggambarkan betapa masa itu sangat berharga. Sejauh manakah kita menyedarkan anak-anak tentang pentingnya masa dalam kehidupan? Tanyalah anak-anak, apakah perkara yang paling berharga bagi mereka; Adakah wang ringgit? Keluarga? Kawan-kawan? Kebijaksanaan? atau Kesehatan? Kemungkinan mereka akan menjawab semua itulah jawapannya. Apa yang pasti, semua jawapan itu tidak setara dengan nilai waktu yang dimiliki. Perkara yang paling berharga setelah memiliki iman dan islam dalam diri adalah masa.

Apakah sebabnya Allah menyuruh manusia berfikir dan merenung tentang hal berkaitan masa? Umat Islam yang tidak tahu menghargai masa, tidak mungkin akan menjadi umat yang maju malah menjadi umat yang rugi.

Firman Allah SWT dalam surah al-Asr ayat 1-3:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾
إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾



"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Ibubapa yang bijak akan menguruskan masa anak-anak dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini, peranan ibu bapa adalah perlu bagi memastikan anak-anak dapat melakukan aktiviti bermanfaat sepanjang cuti persekolahan. Biasanya, anak-anak mempunyai perancangan tersendiri bagi mengisi waktu mereka. Apa yang diharapkan, ibu bapa dapat memantau aktiviti anak-anak agar tidak terjerumus ke arah perkara-perkara negatif membabitkan kerosakan moral dan akhlak apatah lagi berkaitan dengan aqidah seorang muslim.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ
أَوْ يَنْصُرَانِهِ أَوْ يمجِّسانِهِ

"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".

(Riwayat al-Bukhari).

Sidang hadirin sekalian,

Sebenarnya, pelbagai aktiviti boleh diisi sepanjang cuti persekolahan. Asalkan, ianya perlulah memberi nilai tambah dan impak positif kepada anak-



anak agar ilmu, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dapat digunakan pada masa hadapan. Sebagai perkongsian pandangan kepada para jemaah khususnya yang mempunyai anak-anak bersekolah, khatib pada hari ni menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan sepanjang cuti sekolah.

1. Mempelajari al-Quran dan kelas-kelas Fardu Ain yang menjadi kewajipan kepada mereka dalam usaha untuk mencari ilmu yang tidak terhad pada waktu persekolahan semata-mata bahkan ia boleh diperolehi tanpa mengira tempat dan masa.

2. Melancong dan berkelah; Melalui aktiviti ini, ia dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengenali dunia luar sekali gus melihat keindahan alam ciptaan Allah s.w.t. Kata orang, jauh berjalan, luas pandangan. Melawatlah ke mana-mana sahaja. Asalkan tempat itu bukanlah tempat maksiat dan juga tempat yang boleh merosakkan aqidah dan akhlak.

3. Kem Cuti Persekolahan; Program seperti ini biasanya dianjurkan oleh pihak sekolah, syarikat swasta, NGO-NGO, komuniti setempat termasuk di sesetengah masjid. Program ini biasanya memuatkan pelbagai aktiviti yang berasaskan motivasi, sahsiah, agama, kerohanian, akhlak, ibadah, jati diri, sosial dan seumpamanya. Di samping mendapat ilmu baharu, anak-anak boleh mengenali rakan-rakan baharu di kem-kem yang disertai.

4. Kelas tambahan; Ia merupakan cadangan yang positif terutamanya kepada anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan awam seperti UPSR, PT3 dan SPM pada tahun berikutnya.

5. Kursus jangka pendek; Bagi meningkatkan kemahiran anak-anak, ibu bapa boleh mendaftarkan mereka ke institusi-institusi yang menganjurkan



kursus jangka pendek mengikut minat mereka seperti kelas ICT, kelas Bahasa Inggeris, kelas seni bela diri, kelas renang dan seumpamanya. Kemahiran-kemahiran seperti ini sangat bermanfaat sebagai satu kaedah dalam memperkembangkan bakat anak-anak seiring dengan pencapaian akademik.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Khatib juga ingin berpesan kepada anak-anak, janganlah sama sekali menghabiskan masa cuti sekolah dengan perkara yang tidak berfaedah. Perkara-perkara negatif sebenarnya tidak membantu dalam memperkembangkan potensi diri bahkan memberi kemudharatan kepada diri sendiri. Contohnya; Menonton siaran dan program di televisyen tanpa pengawasan, bermain permainan video dan telefon pintar tanpa had masa, berjumpa kawan-kawan tanpa mengira siang dan malamserta mengabaikan solat, juga menghabiskan masa di kafe cyber dan pusat membeli belah dan lain-lain lagi.

Sidang hadirin sekalian,

Sesungguhnya, setiap mukmin yang bertaqwa akan menghargai setiap detik dan masa. Peranan ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak untuk lebih menghargai masa amat penting demi kecemerlangan mereka di dunia dan di akhirat. Kepada anak-anak yang bakal menjadi pewaris ummah, hargailah waktu mudamu dengan perkara-perkara yang berfaedah. Salah satu daripada lima perkara yang telah dipesan oleh Rasulullah SAW iaitu 'ingatlah masa lapangmu sebelum masa sibukmu' perlulah direnungkan bersama-sama agar di akhirat nanti kita tidak akan kerugian.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا
قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa Yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan Segala Yang kamu kerjakan".

(Surah al-Hasyr : 18).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِأَقْرَانِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَالِحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.